

02/03/2003

PM syor Langkawi pusat pentadbiran Kedah

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengesyorkan supaya Kerajaan Kedah menjadikan Langkawi sebagai pusat pentadbirannya.

Beliau yang membuat cadangan itu secara spontan berkata, ia wajar dipertimbangkan kerana Langkawi lebih maju dan memiliki pelbagai kemudahan bertaraf antarabangsa berbanding Alor Star.

Katanya, pulau legenda itu juga menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak di samping harga tanah yang tinggi disebabkan permintaan daripada sektor pelancongan.

"Langkawi lebih maju berbanding Alor Star. Lihat saja di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat yang boleh digunakan pesawat Boeing 747 berbanding hanya Boeing 737 di Alor Star," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan upacara Pecah Tanah Fasa Dua Underwater World Langkawi (UWL) di Pantai Cenang, di sini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Menteri Pembangunan Usahawan, Tan Sri Mohamed Nazri Aziz dan Pengerusi Eksekutif Eden Enterprise (M) Berhad, Datuk Abdul Rahim Mohamad.

Sebaik pembinaannya siap akhir tahun ini, UWL akan menjadi pusat akuarium terbesar di rantau Asia Tenggara dengan menempati ruang yang memaparkan ekosistem Antartika, Amazon dan teater tiga dimensi (3D). Seramai 4 juta pelancong melawat tempat itu sejak pembukaannya pada Ogos 1995.

Sementara itu, Syed Razak yang ditemui selepas majlis itu bagi mengulas cadangan Perdana Menteri berkata: "Kerajaan Negeri belum menerima apa-apa cadangan daripada Kerajaan Pusat."

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir menasihati penduduk Langkawi supaya cekap menguruskan kewangan supaya tidak menjadi orang miskin di pulau yang kaya.

Beliau berkata, harga tanah yang tinggi di pulau ini menyebabkan ada penduduk Langkawi yang menjadi jutawan tetapi gagal menguruskan kewangan dengan baik sehingga kembali menjadi miskin.

"Jangan seronok menjual tanah kerana ia warisan kita. Tanah tidak mudah hilang berbanding duit yang cepat hilang," katanya.

Beliau juga menasihati penduduk pulau itu mencari kerja terutama di hotel atau pusat peranginan walaupun mempunyai wang yang banyak hasil penjualan tanah untuk pembangunan.

"Semuanya terpulang kepada kita sendiri sama ada mahu menjadi kaya atau miskin hasil pembangunan pesat di Langkawi," katanya.